

Beberapa hutan berpotensi sedang dicari untuk digazetkan sebagai hutan simpan kekal

Sasar 33.3 peratus hutan simpan kekal menjelang 2030

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor menyasarkan untuk meningkatkan peratusan hutan simpan kekal di negeri tersebut daripada 32.5 peratus kepada 33.3 peratus menjelang tahun 2030.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, pihaknya bermatlamat untuk meningkatkan keluasan hutan simpan kekal kepada satu pertiga negeri berkenaan.

Menurutnya, beberapa hutan berpotensi sedang dicari untuk digazetkan sebagai hutan simpan kekal.

“Kita akan usahakan untuk lihat mana-mana hutan yang berpotensi untuk ditukarkan menjadi hutan simpan kekal.



Loy Sian (empat dari kiri) bersama wakil penerima Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) dan Teknologi Hijau Negeri (GKTH) Selangor di Shah Alam pada Isnin.

“Kita harap pada tahun 2030, peratusan hutan simpan kekal akan meningkat daripada 32.5 kepada 33.3 peratus, jadi beri kita sedikit masa kerana proses menggazetkan hutan simpan perlu melalui proses yang rumit,” katanya pada Majlis Penyerahan Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) dan Teknologi Hijau Negeri (GKTH) Selangor di sini pada Isnin.

Sebanyak 128 agensi dan persatuan menerima Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) dan Teknologi Hijau Negeri (GKTH) Selangor yang dibuka sejak 1 Disember tahun lalu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.3 juta.

Dalam pada itu, Loy Sian berkata, geran tersebut terbahagi kepada dua kategori, iaitu Alam Sekitar dan Teknologi Hijau,

yang mana masing-masing berjumlah RM10,000 dan RM20,000 berdasarkan permohonan daripada agensi dan persatuan yang memohon.

“Permohonan kali ini adalah paling tinggi sejak diperkenalkan pada 2018, sebab itu kita tidak boleh beri kepada semua (pemohon) kerana bajet kita hanya RM1.3 juta sahaja, berbanding RM1.4 juta pada tahun lalu.

“Geran tersebut akan digunakan untuk program berimpak tinggi berkaitan kelestarian dan pemulihan alam sekitar seperti pembersihan pantai serta sungai, seminar penjagaan alam sekitar, projek kebun komuniti atau penanaman pokok,” katanya.

Sementara itu, Loy Sian berkata, kerajaan negeri akan merangka prosedur operasi standard (SOP) baharu untuk menangani isu pembakaran terbuka yang berlaku di kawasan revolusi hijau di Johan Setia.

“Perangkaan SOP tersebut akan dibincangkan dalam satu mesyuarat bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan diadakan pada 1 Mac depan.

“Mesyuarat tersebut akan turut membincangkan tentang persediaan kerajaan Selangor menghadapi cuaca panas menjelang bukan Mac, April, Julai dan Ogos depan,” katanya.

Baru-baru ini, *Sinar Harian* melaporkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mengesan kebakaran kecil di kawasan revolusi hijau Johan Setia, di sini ketika pihak pegawai penguatkuasanya melakukan pemantauan dan pencegahan pembakaran di kawasan berkenaan.

JAS menerusi satu hantaran di Facebook memaklumkan pasukan peronda juga mengesan asap berpunca dari pembakaran terbuka rumput kering di kawasan berpagar yang dijadikan parkir lori.